



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 07/2023

KEAJAIBAN MUKJIZAT AL-ISRA WAL MIRAJ

26 Rejab 1444 H

Bersamaan

17 Februari 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ مَنْ شَاءَ مِنْ خَلْقِهِ بِفَضْلِهِ وَكَرَمِهِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْبَدْرُ الدُّجَى وَالسِّرَاجُ الْمُنِيرُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَإِمَامِنَا وَقُدْوَتِنَا مُحَمَّدٍ،
نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَشَفِيعِ الْأُمَّةِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ.
أَمَّا بَعْدُ: فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar ketaqwaan. Sediakanlah bekalan untuk hari pembalasan, sebaik-baik bekalan adalah ketaqwaan. Kejayaan adalah milik golongan yang bertaqwa.

Sidang jumaat yang dikasihi,

Mimbar mulia pada hari penuh berkat ini membawa khutbah bertajuk:

“Keajaiban Mukjizat Al-Isra’ Wal Mi’raj”.

Bulan Rejab diperingati sebagai bulan Isra’ dan Mi’raj. Peristiwa penting ini diabadikan di dalam Al-Qur’an, dalam Surah al-Isra’, ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ، لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا
الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ، لِنُرِيَهُ، مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Ertinya: “Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hambaNya pada satu malam dari al-Masjidil Haram ke al-Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Ayat ini mengisahkan tentang bagaimana Nabi Muhammad SAW menjalani peristiwa Isra' dan Mi'raj dengan menempuh perjalanan di malam hari dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di Palestin. Kemudian dari Masjidil Aqsa naik ke atas ke Sidratu Muntaha di langit ketujuh hingga kembali lagi ke bumi di Makkah. Dalam peristiwa ini Allah SWT memperlihatkan tanda-tanda kebesaran-Nya kepada Rasulullah SAW. Peristiwa bersejarah ini terjadi sekitar tahun ke-10 dakwah Nabi Muhammad SAW. Selama tempoh kenabian ini, Rasulullah SAW menghadapi banyak ujian terberat dalam tugas-tugas dakwahnya. Antaranya Baginda SAW diusir hina dan ditentang keras oleh Kabilah Tha'qif penduduk Kota Thaif. Rasulullah juga kehilangan dua insan yang sangat disayangi dan sangat penting dalam hidupnya iaitu isteri kesayangan Baginda SAW Khadijah Binti Khuwailid RA serta bapa saudara yang banyak membantu Baginda SAW iaitu Abu Thalib Ibn Abdul Muttalib.

Oleh itu Isra' dan Mi'raj merupakan hadiah dan penawar bagi apa yang telah Rasulullah hadapi terutamanya pada tahun yang dikenali sebagai tahun kesedihan. Kisah-kisah dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj mengandungi sesuatu yang amat menakjubkan kerana ia tidak sama dengan cara perjalanan ditempuh oleh manusia biasa.

Perjalanan ini adalah perjalanan istimewa yang berlaku dengan kuasa Allah SWT semata-mata. Dalam peristiwa itu Rasulullah SAW diperlihatkan kekuasaan Allah serta balasan yang bakal diterima umatnya di akhirat nanti. Firman Allah dalam surah an-Najm ayat 13-18 :

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾ إِذْ يَغْشَىٰ

السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾ لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya! Nabi Muhammad telah melihat Jibril, dalam bentuknya yang asal sekali lagi. Di sisi Sidratul-Muntaha. Yang di sisinya terletak syurga Jannatul-Makwa. Semasa Sidratul-Muntaha itu diliputi oleh makhluk dari alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan Nabi Muhammad tidak berpaling dan tidak melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda kekuasaan Tuhannya.

Antara pengajaran dalam peristiwa itu ialah mengenai seorang wanita tukang sikat kepada anak perempuan Firaun iaitu Mashitah. Imam Ahmad meriwayatkan satu peristiwa yang menarik berlaku pada malam Isra' Mikraj. Rasulullah SAW terhidu bau yang sangat harum mewangi ketika dalam perjalanan tersebut. Baginda SAW lalu bertanya kepada Jibril:

يَا جِبْرِيلُ مَا هَذِهِ الرَّائِحَةُ الطَّيِّبَةُ فَقَالَ هَذِهِ رَائِحَةُ مَاشِطَةَ ابْنَةِ فِرْعَوْنَ وَأَوْلَادِهَا

Maksudnya: Wahai Jibril, apakah bau yang sangat wangi ini? Jibril menjawab, ia adalah bau Mashitah iaitu tukang sikat kepada anak perempuan dan cucu Firaun.

Mashitah dikatakan menyebut lafaz Bismillah ketika sikatnya terjatuh sehingga menyebabkan anak Firaun mengadu kepada Firaun tentang perkara itu. Firaun berang apabila mendapati ada Tuhan selain dirinya lalu diarahkan supaya disediakan kawah mendidih untuk mencampak anak-anak Mashitah. Sebagai ibu bapa, sanggupkah kita melihat anak-anak kita dibakar atau dicampak dalam minyak yang mendidih hidup-hidup? Mampukah kita melihat anak-anak kita mati kepanasan? Itulah yang berlaku kepada Mashitah.

Beliau terus teguh istiqamah sehinggalah apabila tiba giliran anaknya yang sedang menyusu yang dikendongnya. Saat itu beliau menangis. Allah lalu mengurniakan karamah yang tidak pernah beliau terfikir. Bayi itu sendiri dikurniakan keajaiban bercakap menenangkan ibunya. Dengan kehendak Allah, berlaku kejadian luar biasa apabila bayi itu dengan fasih berkata: "Wahai ibuku! Teruskanlah dan jangan menyerah kalah, sesungguhnya engkau di atas (jalan) kebenaran." Masyitah dan keluarganya mempertahankan keimanan mereka dengan mengatakan Allah Tuhan Yang Esa dan Firaun hanya manusia biasa. Lalu semuanya syahid dibunuh Firaun.

Keberanian seorang wanita memperjuangkan kebenaran dan keimanan ini dirakam dan diingati setiap tahun oleh seluruh manusia melalui peristiwa Israk Mikraj. Semua ahli keluarga Masyitah mendapat balasan syuhada' daripada Allah kerana mempertahankan akidah sehingga mati.

Berdasarkan kepada peristiwa Israk Mikraj, kita memperolehi pelbagai pengajaran berharga yang terkandung di dalamnya untuk direnungi serta dihayati. Antara pengajaran tersebut ialah :

1. Manusia harus sentiasa dekat dengan Tuhan berhubungan dengan Allah SWT, baik di kala ditimpa kesusahan mahupun di kala mendapat kesenangan. Ini kerana hanya Allah yang berkuasa memberikan pertolongan, menghilangkan segala kesedihan, dukacita dan kesusahan pada diri manusia.

2. Menjauhi perkara mungkar dan maksiat. Semasa Isra' dan Mi'raj, tepatnya sewaktu Nabi SAW diajak meninjau keadaan neraka, baginda SAW ditunjukkan berbagai bentuk penyeksaan dahsyat yang sedang dialami oleh berbagai kaum sebagai akibat daripada segala bentuk kejahatan yang pernah mereka lakukan. Misalnya Nabi diperlihatkan kepada satu kaum yang memecahkan sendiri kepala mereka dengan batu besar, setelah pecah ia kembali bertaut seperti sediakala. Nabi juga melihat bentuk penyeksaan yang lain seperti seksaan bagi pemakan riba, penzina, pengumpat, yang suka menghasut dan lain-lain kejahatan lagi. Ini semua memberi iktibar supaya kita yang hidup di dunia ini tidak melakukan segala perbuatan tercela itu dan juga pekerjaan dosa lain yang jelas dilarang oleh Allah. Itulah bentuk seksaan yang bakal diterima oleh seseorang di akhirat nanti sekiranya melanggar perintah Allah.

3. Perintah solat sebagai suatu bentuk ibadah yang Allah sendiri menggariskan ketentuan mengenainya. Kewajipan solat berbeza dengan kewajipan yang lain seperti puasa, zakat dan haji. Ini adalah kerana kewajipan solat diterima langsung oleh Nabi daripada Allah sewaktu bertemu Allah pada malam Mi'raj tanpa perantaraan. Ini menunjukkan keistimewaan dan kelebihan solat berbanding ibadah-ibadah lain, dan solat juga amalan yang paling awal dihisab di akhirat kelak. Dengan solat, kita berpeluang untuk berhubung langsung dengan Allah tanpa perantaraan.

4. Mengakui dan tunduk kepada kebesaran Allah sebagai pencipta agar keyakinan terhadap kekuasaan-Nya benar-benar bersemi di jiwa manusia. Ini kerana sewaktu Isra' dan Mi'raj, Allah SWT memperlihatkan kepada Nabi akan keagungan dan berbagai keajaiban ciptaan-Nya yang terdapat di alam tinggi itu seperti Sidratul Muntaha, syurga, neraka dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, peristiwa Israk dan Mikraj bukan sekadar sebuah kisah sejarah yang diceritakan kembali setiap kali bulan Rejab menjelang. Adalah lebih penting untuk kita menghayati pengajaran di sebalik peristiwa tersebut bagi meneladani perkara yang baik dan menjauhi perkara yang tidak baik. Peristiwa Isra' dan Mi'raj yang memperlihatkan pelbagai kejadian aneh yang penuh pengajaran seharusnya memberi keinsafan kepada kita agar sentiasa mengingati Allah SWT dan gerun kepada kekuasaan-Nya.

Seandainya peristiwa dalam Isra' dan Mi'raj ini dipelajari dan dihayati benar-benar kemungkinan manusia mampu mengelakkan dirinya daripada melakukan berbagai-bagai kejahatan. Peristiwa Isra' dan Mi'raj juga adalah untuk menguji umat Islam apakah mereka percaya dengan yakin atau tidak dengan peristiwa tersebut. Orang-orang kafir di zaman Nabi SAW langsung tidak mempercayai, bahkan memperolok-olokkan Nabi SAW tatkala Nabi bercerita kepada mereka.

Bumi Baitulmaqdis adalah bumi yang penuh dengan keberkatan dan merupakan tempat bermulanya Mikraj Nabi SAW. Di sinilah terdapatnya Masjidil Aqsa yang merupakan kiblat pertama umat Islam, kini sedang dijajah oleh Zionis Yahudi laknatullah. Justeru, umat Islam perlu berjuang untuk membebaskannya, dan sentiasa berdoa semoga tempat suci ini dapat dipulangkan kembali kepada pangkuan umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾ الَّذِينَ

أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ

بِبَعْضٍ لَهِدَمَتِ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدٌ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا

وَلْيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Diizinkan berperang bagi orang yang diperangi, sebab mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka. Iaitu mereka yang diusir dari kampung dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, mereka diusir semata-mata kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah. Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja, dan tempat-tempat sembahyang kaum Yahudi, dan juga masjid-masjid yang disebut banyak nama Allah padanya; dan bahawa Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

(Surah al-Hajj: 39-40)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Bermula pertengahan bulan Januari 2023 lalu sehinggalah pertengahan April 2023 nanti, sebahagian daripada anak cucu kita telah, sedang dan bakal menduduki pelbagai peperiksaan awam. Mereka menduduki peperiksaan STAM, SPM dan STPM.

Calon SPM negeri Terengganu pada tahun ini ialah seramai 18,751 orang. Calon STPM pula seramai 4,851 orang. Manakala calon STAM pula ialah seramai 169 orang.

Sehubungan dengan itu, marilah sama-sama kita doakan untuk mereka ketenangan dan kelapangan jiwa dalam menjalani peperiksaan, seterusnya mampu menjawab dengan baik dan meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan mereka. Khatib mendoakan semoga Allah menjadikan mereka insan yang berjaya dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.